

Putrajaya pusat tadbir Kerajaan Persekutuan

BH 12 DEC 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perjanjian penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya bertujuan menjadikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Perdana Menteri berkata, menerusi perjanjian antara kerajaan Selangor dengan Kerajaan Persekutuan itu, Putrajaya diserahkan kepada Kerajaan Pusat buat selamlamanya.

“Kerajaan Selangor mewakili kepada Kerajaan Persekutuan perjalanan segala kuasa eksekutif yang perlu untuk membolehkan Putrajaya ditadbirkan sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

“Bagaimanapun kuasa perundangan kawasan berkenaan akan terus kekal pada bidang kuasa negeri Selangor,” katanya ketika membentangkan usul Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2000 bagi peruntukan penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya di Dewan Rakyat, hari ini.

Usul itu disokong oleh Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Dr Mahathir berkata, Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995, dipertanggungjawabkan di bawah perjanjian dan akta itu bagi menadbir dan mengurus Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan.